

# Perjuangan calon

>>Oleh Ruhaiza Rusmin dan Ihsan Noorzali

rencana@hmetro.com.my

**P**ILIHAN raya kampus yang berlangsung sepanjang minggu ini di kebanyakan institusi pengajian

tinggi awam negara dijangka bakal membawa pelbagai pembaharuan berbeza.

Paling nyata apabila calon bertanding atau mahasiswa yang bakal membuat pemilihan pastinya menggunakan pindaan ke atas Seksyen 15 Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) sebagai landasan menjalankan tanggungjawab masing-masing.

Bagaimanapun, pasti timbul persoalan sama ada ia digunakan dengan baik atau masih mencetuskan kontroversi sekali gus menyaksikan pertembungan hangat antara calon pro-mahasiswa dan aspirasi dengan perjuangan manifesto masing-masing.

Justeru, apakah jangkaan bagi pilihan raya kampus pada tahun ini? Adakah pro-mahasiswa terus melebarkan sayapnya atau pun dapat ditangkis aspirasi?

Pengerusi Gabungan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia, Ahmad Shukran Shaharudin berkata, pertembungan calon dari kedua-dua belah pihak yang bertanding di institusi itu dijangka sengit.

Menurutnya, sebagai Majlis Perwakilan Pelajar yang menguasai UKM selama setahun, pihaknya bertungkus-lumus berusaha bagi memastikan kemenangan besar mampu diraih.

"Sejak diberi mandat pada tahun lepas, kami sentiasa berusaha menunaikan janji

Pilihan raya kampus walaupun hanya membabitkan penyertaan mahasiswa, sentiasa dibelenggu kontroversi panas terutama di beberapa institusi terpilih



**DR MOHD FAUZI...**  
ikut peraturan.

yang dibuat kepada mahasiswa terutama dari aspek menjaga kebajikan.

"Dan itulah juga antara yang kami perjuangkan pada pilihan raya kampus kali ini dan berharap diberi kepercayaan sekali lagi untuk melaksanakan tanggungjawab itu.

"Persaingan dijangka sengit kerana setiap calon pasti mempunyai manifesto sendiri dan memastikan kemenangan. Saya berharap semuanya menjalankan tanggungjawab dengan baik sekali gus memilih calon yang benar-benar berkebolehan," katanya.

Kedua-dua pihak yang bertanding di UKM juga bersetuju pada dasarnya bahawa pilihan raya kampus tahun ini berjalan lancar tanpa dicemari insiden besar yang memalukan.

Timbalan Ketua Jentera Satu



**LANCAR...**proses penamaan calon di UKM minggu lalu berjalan lancar tanpa dicemari isu panas..

Aspirasi UKM, Wan Ahmad Shukrie Wan Daud berkata, hingga hari penamaan calon minggu lalu, semua yang bertanding tidak menimbulkan kekecohan selain yakin semuanya berjalan lancar. "Biar pun kedua-dua pihak semakin agresif melakukan kempen, semuanya terkawal dan keadaan ini amat melegakan terutama kepada pengundi. Ini juga menunjukkan mahasiswa semakin matang.

"Bagi aspirasi pula, kami

sudah lama merangka pelbagai strategi sebagai persediaan merampas kembali tampuk pemerintahan pelajar. Ada banyak isu yang diperjuangkan terutama kegagalan Gabungan Mahasiswa dalam melaksanakan pesta konvokesyen yang mencemarkan imej universiti, baru-baru ini," katanya.

Pilihan raya kampus di negara ini, meskipun hanya membabitkan penyertaan mahasiswa, ia sentiasa

dibelenggu kontroversi panas terutama di beberapa institusi terpilih.

Malah, pilihan raya kampus yang diadakan lewat dari tarikh kebiasaan pada tahun ini juga dijangka memperjuangkan beberapa isu semasa yang relevan dengan permintaan antaranya kebebasan bersuara selaras perubahan akta AUKU selain keazaman tinggi aspirasi menawan kembali kubu institusi yang dikuasai pro-mahasiswa. Sementara pro-mahasiswa

pula menjangkakan penambah penguasaan di institusi tertentu retentat persiapan jentera yang dilakukan sejak awal.

Diyakini tiada insiden buruk bakal tercetus seperti tahun lalu kerana mahasiswa dilihat semakin matang membuat keputusan kecuali isu panas yang berlaku di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, minggu lalu. Ia membabitkan tindakan pihak tertentu menyiar dan memuat naik sepuccuk surat

FOTO | Syazwan Afifi Ismail



**JANGAN LAKUKAN....** jangan lakukan tindakan atau perlakuan merugikan sekali gus mengundang kekecohan yang menjejaskan proses pilihan raya.



**UNDI...** mahasiswa hari ini diyakini semakin matang menjalankan tanggungjawab masing-masing dengan membuat pilihan terbaik. - Gambar hiasan.



**DR JUNAIDI...**penilaian betul.



**AHMAD SHUKRAN...**sengit.



**WAN AHMAD SHUKRIE...**terkawal.

palsu yang kononnya ditulis Perdana Menteri kepada Rektor UIAM menjelang pilihan raya kampus universiti itu dijudualkan esok.

Minggu lalu hanya lima institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang memulakan proses pilihan raya awal iaitu Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Sepanjang minggu ini, 15 IPTA memulakan proses pengundian termasuk di beberapa kubu kuat pro-mahasiswa seperti di Universiti Kebangsaan Malaysia dan UM.

Mantan Yang Dipertua Majlis Perwakilan Mahasiswa Universiti Malaya, Mohd Syahid Mohd Zaini berkata, isu kalah atau menang bukan pokok utama perjuangan mahasiswa di universiti terbabit sebaliknya aspek kebajikan dititik beratkan.

Menurutnya, sama ada pro-mahasiswa yang bakal meneruskan tampuk pemerintahan atau aspirasi yang bakal mengambil alih, kepentingan terhadap kebajikan mahasiswa haruslah diutamakan.

"Inilah asas perjuangan yang perlu menjadi pegangan setiap calon bertanding. Pilihan raya kampus bukanlah tempat untuk menjadi 'raja' tapi sebenarnya berkhidmat untuk mahasiswa.

"Paling penting, penjagaan

aspek kebajikan mahasiswa. Inilah yang perlu diperjuangkan setiap calon bertanding tanpa mengira aspirasi atau pro-mahasiswa.

"Sama ada kemenangan atau kekalahan berpihak pada mereka, yang perlu diperjuangkan adalah penjagaan kebajikan kerana atas dasar itulah mahasiswa lain membuat pilihan iaitu mahu kebajikan mereka dijaga," katanya.

Bagaimanapun, sebagai mantan yang menguasai barisan pro-mahasiswa, beliau meminta supaya pilihan raya diadakan dapat dilakukan dengan adil.

"Pro-mahasiswa amat mengharapkan pilihan raya ini dilaksanakan dengan adil tanpa campur tangan pihak berkepentingan atau terpaksa mengikut telunjuk kerena birokrasi.

"Ini adalah hak eksklusif mahasiswa untuk memilih, jadi jangan disekat cuma lakukan pemantauan supaya semuanya dapat dilaksanakan dengan telus," katanya yang optimis pro-mahasiswa pasti terus menguasai kubu UM sekali lagi.

Mantan Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris, Muhammad Afiq Fikri Mislal pula berkata, biarpun sebelum ini dicemari beberapa insiden panas dan memalukan membabitkan mahasiswanya, UPSI juga dijangka melalui proses pengundian dengan aman.

Menurutnya, insiden berkenaan

tidak menjadi kudis kepada mahasiswa lain untuk membuat pilihan masing-masing.

"Saya percaya mereka tidak mudah disogok dengan isu atau propaganda pihak tertentu terutama yang hanya ingin memporak perandakan keharmonian sedia ada.

"Malah mereka sebenarnya sudah tidak mempunyai isu pun kerana selama ini apa yang disuarakan sudah didengar dan diperbaiki.

"Saya harap pengundi boleh membuat pilihan bijak dan pandaj membuat penilaian. Tunjukkan sikap kedewasaan dan kematangan untuk melalui proses ini," katanya.


Pada masa sama, beliau juga berpendapat tidak perlu lagi tindakan sembrono atau agresif semata-mata mahu melaukan perjuangan.

"Mahasiswa hari ini sebenarnya semakin matang kerana mereka memperoleh akses maklumat tanpa sempadan. Malah, tidak perlu lagi budaya seperti mengeji, mengejek dan propaganda kerana ia hanya menunjukkan kedangkalan sendiri sekali gus mengecilkan lagi peluang untuk dipilih.

"Diharapkan pilihan raya kali ini berlangsung aman terutama di institusi yang menjadi kubu kuat sama pro-mahasiswa atau aspirasi. Tunjukkan keikhlasan dalam memperjuangkan nasib mahasiswa yang mengundi dan memberi kepercayaan," katanya.



**INGIN TAHU...** mahasiswa tidak melepaskan peluang untuk melihat nama calon yang bakal bertanding.



**PELBAGAI...** perang poster untuk memancing perhatian pengundi ada di mana-mana. - Gambar hiasan.

## Buat penilaian betul, tepat

**T**IMBALAN Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar (TNC HEP) yang bertanggungjawab memantau perjalanan penuh pilihan raya kampus juga melahirkan harapan supaya proses berkenaan berjalan lancar tanpa insiden yang mencemarkan keharmonian warga kampus.

TNC HEP Universiti Putra Malaysia, Profesor Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan berkata, dia mengharapkan mahasiswa mahupun calon bertanding sentiasa berdisiplin sepanjang tempoh kempen atau hari pengundian.

Menurutnya, sebagai golongan terpelajar seharusnya mereka membuktikan kepada masyarakat bahawa mampu mengendalikan emosi dengan baik.

"Dalam pilihan raya, memang kemenangan

adalah matlamat utama, namun biarlah segala proses berlangsung dengan mengikuti peraturan ditetapkan.

"Ini adalah proses awal yang memberi peluang mereka menggunakan hak memilih calon diingini, justeru gunakan ia dengan cara praktikal dan jangan terlalu mengikut emosi.

"Bagi calon pula, tunjukkan kematangan bahawa mereka adalah bakal pemimpin yang selayaknya dipilih berdasarkan ketrampilan, kewibawaan dan kematangan. Jangan terlalu mengikut emosi yang boleh merosakkan segala perancangan," katanya.

Sementara itu, TNC HEP UPSI, Datuk Paduka Dr Junaidi Abu Bakar pula berkata, pengundi perlu mempunyai penilaian betul dan tepat sebelum membuat keputusan mengundi bakal pemimpin di kampus.

Menurutnya, ketrampilan dan keputusan yang dibuat biarlah berlandaskan rasional selain mampu membawa kebaikan kepada semua pihak.

"Imej UPSI terletak kepada bakal pemimpin ini dan saya berharap mereka mampu membawa diri dengan baik. Apatah lagi UPSI adalah sebuah institusi yang melahirkan bakal guru yang bakal mendidik anak bangsa.

"Perlu diingat, proses ini adalah langkah awal dan menjadi latihan asas kepada mereka sebelum mengundi dalam pilihan raya sebenar. Justeru, gunakan rasional akal ketika membuat pilihan.

"Pada masa sama, di harap peratusan yang mengundi juga meningkat. Berikanlah sokongan kepada calon pilihan masing-masing," katanya.

# Agresif berkempen

Calon, mahasiswa  
jalankan  
tanggungjawab  
memperjuangkan  
kebajikan  
masing-masing

